

04 FEB 1999

Pelayaran-Sumatera

AZHAR TELAH BELAYAR 276 BATU NAUTIKA

LANGKAWI, 4 Feb (Bernama) -- Hasrat pelayar tempatan Azhar Mansor untuk belayar mengelilingi dunia telah membawanya 276 batu nautika dua hari selepas mula belayar dengan beliau kini berada di utara Sumatera.

Perjalanan beliau semakin baik dan beliau hanya berada 76 batu nautika daripada tempat pertama mengubah arah pelayarannya, kata seorang jurucakap wanita di stesen pemantau Tanjung Malai di sini yang mana Azhar memulakan perjalanannya pada Selasa lepas.

"Beliau membuat panggilan pada lebih kurang 4 pagi ini dan melaporkan dalam keadaan baik dan bersemangat tinggi untuk mencapai cita-citanya itu," kata jurucakap itu yang hanya mahu dikenali sebagai Sandy.

Walaupun beliau dilaporkan menghadapi kesukaran untuk mengemudi kapal layarnya kerana angin yang tidak kuat di kawasan itu, beliau berkata Azhar akan menghantar laporan hariannya sama ada melalui e-mel atau telex.

Kapal layar beliau "Jalur Gemilang" bernilai RM1.8 juta dan sepanjang 15.2 meter dilengkapi dengan faksimili, e-mel dan kemudahan telex.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan Azhar dalam percubaannya mengharungi 21,600 batu nautika untuk mengelilingi dunia.

Jurucakap itu berkata, Azhar memerlukan kelajuan sekurang-kurangnya 15 knot untuk memudahkannya mengemudi kapal layar itu.

Perjalanan Azhar itu merupakan percubaan pertamanya untuk mengelilingi dunia bermula dari Lautan Hindi dengan Langkawi sebagai titik permulaan dan semua percubaan oleh orang barat sebelum ini bermula dari Lautan Atlantik.

Warga Peranchis Christophe Auguin memegang rekod mengelilingi dunia iaitu 105 hari, 20 jam, 31 minit dan 23 saat yang dibuatnya pada 1997 dengan kapalnya "Geodis".

Untuk mencapai hasratnya, Azhar perlu belayar di sepanjang Cape Leeuwin di Australia, South Cape di New Zealand, Cape Horn di Amerika Selatan, Pulau Fernando de Noronha di Lautan Atlantik, Cape of Good Hope dan balik ke Langkawi Mei nanti.

-- BERNAMA

NH PR